



Bersama **FIRKHAN**

sembangict@yahoo.com

Rumit taip teks

SAYA menggunakan telefon pintar iPhone. Setiap kali menaip mesej pada telefon tersebut sering kali keluar perkataan cadangan daripada iPhone. Namun begitu, bukan perkataan itu yang saya maksudkan untuk ditaip dan kebiasaanya perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris. Adakah cara untuk mengatasinya?

- Muhammad, Kelana

Jaya.

Terdapat banyak kemudahan dengan keperluan penggunaan papan kekunci pada skrin daripada papan kekunci plastik bagi sesebuah telefon pintar. Bagi pengguna yang biasa menggunakan papan kekunci plastik seperti mana yang terdapat pada sesebuah komputer agak sukar mengendalikan papan kekunci yang terdapat pada skrin.

Oleh itu, bagi memudahkan pengguna sebegini, Apple mewujudkan satu fungsi yang dikenali sebagai *Auto-Correction* ke dalam papan kekunci pada skrin tersebut. Fungsi *Auto-Correction* dibina untuk membantu pengguna menaip dan meminimumkan kesilapan menaip. Secara teorinya, ini sangat bagus tetapi ia tidak selalu berfungsi dengan baik.

Kadangkala, fungsi *Auto-Correction* ini memasukkan perkataan yang tidak dimaksudkan untuk menulis atau membuat "pembetulan" yang tidak diperlukan seperti mana masalah yang dihadapi saudara yang bertanya. Pengguna yang menaip dalam bahasa tertentu selain bahasa Inggeris mendapati fungsi *Auto-Correction* ini sangat menyusahkan.

Sebenarnya, penggunaan bahasa dan konfigurasi yang betul dalam fungsi *Auto-Correction* ini sangat membantu. Sekiranya bermasalah, nyah fungsikan sahaja fungsi ini.

Cara Nyah Fungsikan Fungsi *Auto-Correction*

1 Pergi ke menu *Settings* >

General > *Keyboard*.

2 Pastikan suis pada

fungsi *Auto-Correction*

disetkan pada posisi

dimatikan.

Bagi membolehkan fungsi papan kekunci ini tidak menyimpan perkataan yang tersalah taip, boleh set semula fungsi *Keyboard Dictionary* dengan pergi ke menu

Settings > *General* > *Reset*.

Kemudian tap pada pilihan

Reset Keyboard Dictionary.